

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAB 2003

PENILAIAN MENENGAH RENDAH

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Satu jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Anda dikehendaki menjawab **ketiga-tiga** soalan.*
 2. **Soalan 1** mempunyai **lima** pilihan.
 3. **Soalan 2** mempunyai **dua** pilihan.
 4. **Soalan 3** *tidak* mempunyai pilihan.
-

Soalan 1

(Masa dicadangkan: 45 minit)

Tulis **sebuah** karangan tentang **satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan itu hendaklah **lebih daripada 180 patah perkataan**.

- (a) Program kitar semula merupakan program yang sedang rancak dijalankan di negara kita.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dijalankan untuk menjayakan program tersebut?

- (b) Sekolah anda baru sahaja menganjurkan Bulan Bahasa dan Sastera. Sebagai setiausaha Persatuan Bahasa Melayu, anda dikehendaki menulis laporan tentang aktiviti yang telah dijalankan.

Tulis laporan anda itu selengkapnya.

- (c) Anda telah berpeluang menyertai aktiviti Hari Kemerdekaan di tempat anda.

Cerita pengalaman anda itu.

- (d) Selaku Ketua Pengarang majalah sekolah, anda telah berpeluang mewawancara pelajar cemerlang dalam bidang kurikulum.

Tulis wawancara anda itu selengkapnya.

- (e) Tabiat menabung di kalangan remaja terutama pelajar amat digalakkan.

Bincangkan.

Soalan 2


(Masa dicadangkan: 30 minit)

Jawab sama ada **Soalan 2 (a)** atau **Soalan 2(b)**

Soalan 2 (a)

Kaji carta pai di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam carta tersebut huraikan faktor-faktor yang menyebabkan pelancong asing datang ke Malaysia pada tahun 1997 hingga tahun 2001. Panjang rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Bilangan Pelancong Asing Ke Malaysia pada Tahun 1997 hingga 2001



[20 markah]

Soalan 2 (b)

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian **ringkaskan** hingga menjadi **tidak lebih** daripada **80 patah perkataan** sahaja. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Dewasa ini, kedudukan pelajar perempuan di universiti tempatan mengatasi pelajar lelaki dan dikatakan bertambah setiap tahun. Perkembangan ini juga dapat dilihat di institusi pengajian tinggi swasta. Hal ini sememangnya menandakan satu kejayaan dan kebanggaan bagi kaum perempuan. Yang lebih penting, keadaan ini mencerminkan keterbukaan pihak pentadbiran negara memberikan peluang pendidikan sama rata kepada rakyat tanpa mengira keturunan dan jantina. Keadaan ini dapat menjawab segala persoalan yang berkaitan dengan tanggapan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa wanita kini menjadi mangsa diskriminasi dan ketinggalan berbanding kaum lelaki.

Pertambahan bilangan pelajar perempuan di universiti adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk melihat mereka memainkan peranan yang lebih cergas dalam pembangunan negara. Hal ini bukanlah sesuatu yang memeranjatkan kerana sudah pun berlaku di beberapa buah negara maju lain di dunia ini.

Antara faktor yang menjadi punca kejayaan kaum perempuan hari ini ialah kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan terhadap anak-anak mereka. Di samping itu, pertambahan peluang pekerjaan turut mendorong mereka meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi. Walau bagaimanapun, faktor paling utama ialah kesedaran kaum perempuan itu sendiri terhadap kepentingan pendidikan dan pekerjaan untuk menjamin masa depan mereka.

Walaupun fenomena ini tidak akan mendatangkan kesan negatif terhadap guna tenaga negara, namun hal ini pasti menarik minat kaum lelaki untuk mengikuti perubahan ini. Apabila wanita berpendidikan tinggi memasuki pasaran guna tenaga, taraf hidup dan cara pemikiran mereka juga akan berubah selaras dengan kemajuan negara.

[Diubahsuai daripada, *Dewan Masyarakat*, September 2002]
[20 markah]

Soalan 3

(Masa dicadangkan: 15 minit)

*Jawapan mestilah berdasarkan **satu** daripada novel-novel yang telah anda kaji sama ada di Tingkatan 1, Tingkatan 2, atau Tingkatan 3 seperti senarai di bawah.*

- (i) Meniti Kaca (Raja Sabarudin Raja Abdullah)
- (ii) Anak Din Biola (Maaruf Mahmud)
- (iii) Aku Anak Timur (Siti Aminah Hj. Yusuf)
- (iv) Limpahan Darah Di Sungai Semur (Zakaria Salleh)
- (v) Pahlawan Pasir Salak (Mohd Ismail Sarbini)
- (vi) Tragedi Empat Disember (Dzul Karnain Ithnain)
- (vii) Timulak Kapal Perang (Azmah Nordin)
- (viii) Kapten Hassan Wira Bangsa (Harun Johari)
- (ix) Panas Salju (Talib Samad)
- (x) Merdeka! Merdeka! (A. Rahman Hanafiah)
- (xi) Ekspedisi (Mohd Ghazali Tocheh)
- (xii) Kanang Cerita Seorang Pahlawan (Maznan Noordin)

Huraikan secara ringkas pengajaran yang diperoleh daripada novel yang anda kaji.

[10 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT